TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

Dr Mahathir hargai jasa kerjasama semua pihak

HM 1/11/2003 -15 PRECISE

BERSEJARAH...Mahathir mengetip kad perakam waktu buat kali terakhir tepat jam 5.07 petang sebelum meninggalkan Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, semalam. — Gambar YAHAYA ZAIN

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengucapkan penghargaan kepada pihak kerajaan, swasta dan rakyat kerana memberi bekerjasama membangunkan negara sepanjang 22 tahun memegang jawatan Perdana Menteri.

Beliau yang sebak ketika mengadakan sidang media terakhir sebelum bersara pagi semalam mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak yang menghantar kad, kain rentang dan majlis menghargai perkhidmatannya menganggap penghargaan itu sebagai hadiah paling bermakna baginya.

Ikuti sidang akhbarnya selama lebih 30 minit yang turut disertai Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali:

MAHATHIR: Saya berhajat untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, rakyat, pegawai kerajaan dan anggota Kabinet dan ahli-ahli parti politik yang beri kerjasama kepada saya selama 22 tahun, saya jadi Perdana Menteri.

Walaupun saya terpaksa hadapi beberapa masalah tetapi masalah dapat diatasi akhirnya. Ini kerana sokongan dan bantuan daripada rakyat, pegawai kerajaan, polis, tentera dan lain-lain yang menjalankan tugas mereka sebagai profesional di mana mereka tidak menyebelahi mana-mana pihak sebaliknya memberi khidmat kepada kerajaan pilihan rakyat.

Ini adalah cara kita di Malaysia iaitu apapun pendapat kita mungkin berlainan tetapi apabila menjalankan tugas kita jalankan tugas sebagai yang dikehendaki.

Saya juga ucap terima kasih kepada semua yang hantar kad ucapan terima kasih kepada saya dan isteri.

Saya tidak dapat menjawab satu persatu jadi saya harap melalui saluran ini (mengadakan sidang akhbar) dapat jawab kepada semua yang menghantar kad, sekolah yang buat kad besar tandatangan di atas kain rentang, sepanduk dan macam-macam lagi.

Semua yang menyatakan ucapan terima kasih kepada saya kerana khidmat yang saya dapat beri selama 22 tahun.

Semua usaha ini memberi kepuasan kepada hati saya (suara Dr Mahathir tertahan-tahan sebak) kerana inilah balasan yang terlebih besar daripada apa yang lain iaitu penghargaan yang diberi dan ucapan terima kasih yang disampaikan.

Saya turut ucap terima kasih kepada semua yang menghantar surat, kad dan macam-macam lagi cara kepada saya sempena tamatnya khidmat saya dalam kerajaan pada hari ini dan ucap selamat terhadap persaraan saya.

Saya berharap kerjasama yang diberi kepada saya dapat diteruskan kepada kepemimpinan baru iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Kabinetnya dan juga kepada kerajaan supaya sama-sama dapat bangunkan negara.

Bangunkan untuk kesejahteraan hidup kita bersama. Saya berdoa rakyat Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat dan dapat menikmati kesejahteraan hidup.

Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada pegawai kerajaan dan pihak swasta yang bersama-sama menjayakan negara kita masa saya jadi Perdana Menteri.

WARTAWAN: Apa yang Tun nak buat selepas ini.

DR MAHATHIR: Saya akan lakukan apa yang datang di depan saya nanti.

Saya akan cuba tulis beberapa pengalaman saya yang mungkin baik untuk orang lain.

WARTAWAN: Adakah Tun tidak akan menyatakan pendapat selantang sekarang?

DR MAHATHIR: Saya terima banyak jemputan untuk bercakap dan mungkin saya akan beri pendapat ikhlas saya.

WARTAWAN: Apakah yang pertama Tun akan buat esok pagi (hari ini)?

Tun banyak nasihat kepada rakyat dan sektor swasta seolah-olah masih ada kebimbangan dalam diri Datuk Seri.

Masih ada lagi kebimbangan Tun mungkin apa yang belum selesai.

DR MAHATHIR: Yang pertama esok pagi harap dapat bertolak ke luar negara untuk berehat sekejap.

Toksah (jangan) tanya ke mana saya nak pergi, nak pi rehat ajelah.

Yang keduanya, memang jadi tabiat apabila seseorang berhenti daripada sesuatu jawatan ianya dikehendaki beri pandangan dan nasihat kepada pihak yang disentuh olehnya masa dianya bekerja kerana itu saya beri nasihat.

Satu lagi kerana nasihat ini diminta. Saya diminta beri nasihat, jadi saya beri nasihatlah.

Terima atau tidak itu lain kiralah kepada pemberita pun saya beri nasihat tapi kalau tak tanya saya tak bagilah.

WARTAWAN: Jadi apa nasihat Tun kepada kami?

DR MAHATHIR: Ya...buat laporan secara ikhlas dan jujur berpegang kepada kebenaran.

Jangan sengaja menjadikan satu agenda sendiri untuk memburuk-burukkan sesiapa atau memajukan agenda sendiri dengan cara tidak baik.

Jangan buat laporan tidak kena yang menyinggung perasaan orang yang tak dapat nak balas balik.

WARTAWAN: Adakah Tun berpuas hati dengan pencapaian Tun dalam semua segi.

DR MAHATHIR: Memang banyak lagi yang boleh saya buat tetapi kita kena terima hakikatlah iaitu walaupun kita ingin buat tetapi tidak dapat nak buat kerana sebab-sebab tertentu.

Setakat itu saya berpuas hati tetapi saya fikir banyak lagi yang patut saya lakukan semasa saya menjadi Perdana Menteri.

WARTAWAN: Dalam beberapa jam lagi Tun tidak lagi menjadi Perdana Menteri, adakah Tun menganggap satu beban besar sudah dialih daripada bahu Tun?

DR MAHATHIR: Ya, itupun juga (ringan beban). Saya rasa ada permintaan yang saya tidak boleh tolong atau beri kerana bukan hak saya untuk memberi. Buat masa ini saya lega.

WARTAWAN: Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri apakah perkara yang paling memuaskan hati Tun?

DR MAHATHIR: Seperti yang saya pernah katakan sebelum ini, ketika mula menjadi Perdana Menteri banyak keraguan terutama di kalangan bukan Melayu iaitu Cina dan India. Mereka ingatkan saya ultra. Saya dilabel sebagai ultra.

Tetapi di akhir kerjaya saya sebagai Perdana Menteri, saya berjaya mengatasi keraguan itu dan mereka sekarang ini begitu menyokong saya dan saya rasa itu cukup memuaskan hati.

WARTAWAN: Kepuasan di peringkat antarabangsa?

DR MAHATHIR: Malaysia sudah dikenali. Suara kita walaupun mereka tidak setuju tetapi bukan mudah untuk mereka tidak mempedulikannya.

WARTAWAN: Ramai yang masih berasa sedih dengan persaraan Tun. Apakah kata akhir Tun kepada mereka?

DR MAHATHIR: Saya sedih tetapi hakikatnya saya sudah jadi Perdana Menteri 22 tahun, itu jangka masa lama dan saya rasa perlu perubahan.

Memang saya masih boleh bekerja lagi. Alhamdulillah, tetapi perubahan ini untuk negara.

WARTAWAN: Ramai yang tertanya bagaimana Tun boleh menangawal perasaan dan tenang ketika berhadapan dengan masalah antaranya krisis kewangan dan masalah dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

DR MAHATHIR: Saya belajar bagaimana mengawal perasaan saya, sejak kecil lagi saya takut anjing dan saya kemudiannya bertekad untuk tidak takut lagi, saya berhenti berlari dan berpusing balik dan mengadap anjing itu.

Saya cuba sedaya upaya mengawal perasaan cuma ada masanya saya breakdown, bila berhadapan dengan krisis satu-satunya cara mengatasi adalah berhadapan dengannya...

Saya berfikir sepanjang masa tetapi saya tidak tahu orang fikir saya ni tenang atau tidak kerana ada masanya saya tidak.

KURSUS PERKAHWINAN (LENGKAP) - DI BANGSAR

SIJIL KURSUS DIKELUARKAN OLEH JAKIM - JAWI - JABATAN PERDANA MENTERI.

TARIKH KURSUS: 1-2, 8-9, 15-16, NOV. 2003 • 6-7, 13-14, 20-21, 27-28, DIS. 2003

Urusetia: 03-22822211 • 019-2159709 • 22843811 • 22831511 • 33440207(R) • 33443844(R)

SISTEM PENDAFTARAN ONLINE TERUS "PRINT OUT" Bawa Semasa Kursus

http://www.kursusperkahwinan.com.my

emel: zurasakademik@skali.com

ATURCARA KURSUS SEPANJANG TAHUN 2003

SABTU 3.00 ptg (3jam) • Hubungan Dalam Keluarga • Pengurusan Sumber Keluarga • Komunikasi Suami Isteri
6.00 ptg • Solat Asar / Minum Petang
6.15 ptg (1½jam) • Pengurusan Kesihatan
AHAD 6.00 ptg (3jam) • Akidah • Ibadah • Akhlak
11.00 pg • Minum Pagi
11.15 pg (2jam) • Pengurusan Masalah Tekanan / Stress • Pengurusan Konflik
1.15 ptg • Makan Tengahari & Solat Zohor
2.00 ptg (2jam) • Perkahwinan Kaumanting Di Jabatan Agama Islam
• Pengurusan Talak, Fasakh, Prosedur Penceraian
4.00 ptg • Minum Petang & Solat Asar
4.30 ptg (1½jam) • Rumah Tangga Islamik
6.00 ptg • AGK & Membekalkan Borang-borang Contoh • Taklimat Khas Perkahwinan

Hanya di Zura's Akademik sahaja proses permohonan berkahwin anda akan dipandu secara sistematik melalui konsep bantu semasa & selepas kursus. PARKING PERCUMA PADA HARI AHAD

Artis Popular Menghadiri Kursus Perkahwinan Di Zura's Akademik

Tempat: ZURA'S AKADEMIK

2-1-1 Kompleks Niaga Utama, Jln 1/82B Bangsar Utama, 59000 Kuala Lumpur

(Belakang LRT Putra & Dataran Maybank Bangsar)

TAKLIMAT KHAS PERKAHWINAN DI DALAM/LUAR NEGERI & LUAR NEGARA.

Setiap peserta akan dibekalkan beberapa 1. Contoh borang permohonan dan contoh surat kebenaran berkahwin untuk seluruh negara 2. Lafaz taklig untuk semua negeri 3. Senarai nombor telefon pej-pej kadhi daerah seluruh negara 4. Panduan berkahwin untuk muallaf, warga asing, duda, janda, janda berhias, anak angkat, wali enggan, wali ghaib, tiada wali dll. serta contoh sijil nikah untuk seluruh Negara.